

Ruj. Kami : PERB.PRJ(PELB.).09.172.Jld.2 ( )  
Tarikh : 6 Zulkaedah 1441H  
28 Jun 2020



## MAJLIS DAERAH SIK

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

Jabatan yang mengeluarkan sebutharga	Kod Bidang	Tajuk Projek	Tarikh Pembelian Sebutharga Dan Masa	Harga Sebutharga
Majlis Daerah Sik	G1	<b>MDS/PERB/SH/08/2020:</b> Menaiktaraf Pasar Tanjung, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman <b>G1, B04</b>  <b>MDS/PERB/SH/09/2020:</b> Menaiktaraf Bangunan Perniagaan Orked, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman <b>G1, B04</b>	<b>28/06/2020</b> <b>Hingga</b> <b>05/07/2020</b>	<b>RM50.00</b> <b>Senaskah</b>

2. Berikutan daripada tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**, pihak kontraktor yang mempunyai gejala seperti demam, selsema, batuk dan cirit-birit tidak digalakan untuk hadir bagi pembelian dokumen sebutharga berkenaan di pejabat Majlis Daerah Sik. Pihak kontraktor disarankan supaya memakai *Facemask* dan menjaga jarak sosial sekurang-kurangnya 1 meter apabila hendak membeli dokumen sebutharga berkenaan.

3. Hanya seorang sahaja bagi pihak kontraktor yang dibenarkan berada didalam kaunter Majlis Daerah Sik untuk urusan pembelian sebutharga berkenaan. Pihak Majlis Daerah Sik berhak menolak atau tidak menjual dokumen sebutharga kepada pihak kontraktor sekiranya tidak mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan.

4. Pihak kontraktor mestilah berdaftar dengan Majlis Daerah Sik terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebutharga dan pendaftaran kontraktor untuk **G1** adalah sebanyak **RM100.00**. Pihak kontraktor mestilah membawa bersama dokumen-dokumen seperti berikut semasa membuat pendaftaran:-

- i. **Sekeping gambar Pengurus berukuran pasport**
- ii. **Salinan kad pengenalan pengurus dan rakan kongsi**
- iii. **Sijil original dan salinan sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

5. Pihak kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan mempunyai tajuk yang dibenarkan sahaja **LAYAK** untuk menyertai sebutharga.

6. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang tarikh tutup, no. sebutharga dan tajuk sebutharga dan dialamatkan kepada:-

**Majlis Daerah Sik  
08200 Sik  
Kedah Darul Aman**

Tarikh tutup sebutharga ini ialah pada **5 Julai 2020** jam **12.00** tengahari.

**MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUTHARGA.**



**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIK  
KEDAH DARUL AMAN**

- s.k.
- a) **Ketua Jabatan Kejuruteraan  
Majlis Daerah Sik**
  - b) **Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Majlis Daerah Sik**